

SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II (B.2 / B.2 EB.3)
SEKRETARIAT PERUBAHAN IKLIM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II
SEKRETARIAT PERUBAHAN IKLIM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
JABATAN PERDANA MENTERI
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Dasar / Ekonomi / Hubungan Antarabangsa / Komunikasi / Perubahan Iklim / Sains dan Pengurusan Alam Sekitar atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGA GAJI B.2**

i) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND)* atau sebanding dalam bidang Dasar / Ekonomi / Hubungan Antarabangsa / Komunikasi / Perubahan Iklim / Sains dan Pengurusan Alam Sekitar atau bidang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Sebelum layak ditetapkan dalam jawatannya, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II dikehendaki lulus peperiksaan berikut:

- i) Peperiksaan Jabatan (jika ada);
- ii) Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan; dan
- iii) Peraturan-Peraturan Kewangan.

Peperiksaan ii dan iii akan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Memainkan peranan penting dalam usaha-usaha untuk mengurangkan kesan-kesan perubahan iklim di Brunei Darussalam melalui pelaksanaan strategi-strategi di bawah Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (*Brunei National Climate Change Policy – BNCCP*);
2. Merancang dan melaksanakan strategi-strategi dan projek-projek perubahan iklim yang bertujuan mengurangkan pengeluaran gas rumah hijau dan meningkatkan kesedaran tentang isu-isu perubahan iklim di kalangan orang awam;
3. Menyediakan maklumat dan analisis berkaitan dengan perubahan iklim untuk membantu pihak berkuasa seperti Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (*Brunei National Climate Change Policy – BNCCP*) dan Jawatankuasa Eksekutif Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam dan membuat keputusan-keputusan dalam menguruskan sumber-sumber alam dan mengurangkan kesan-kesan perubahan iklim untuk mencapai objektif *BNCCP*;
4. Membangunkan hubungan dan bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan dalam sektor awam dan swasta termasuk organisasi-organisasi bukan kerajaan dan masyarakat setempat untuk meningkatkan kesedaran dan kerjasama dalam usaha mengurangkan kesan-kesan perubahan iklim; dan
5. Memantau dan melaporkan kemajuan strategi-strategi dan projek-projek perubahan iklim serta membuat penilaian berterusan terhadap kesan-kesan projek-projek tersebut.